

# IMARAH MASJID: ANALISA AWALAN KE ATAS ISU TAULIAH DAN KELAYAKAN TENAGA PENGAJAR<sup>1</sup>

Hasan Ahmad, Mansor Sulaiman & Tuan Sidek Tuan Muda  
Jabatan Sains Kemanusiaan PBMSK  
Universiti Malaysia Pahang  
[hasanahmad@ump.edu.my](mailto:hasanahmad@ump.edu.my)

## ABSTRAK

Masjid dibina pada asasnya adalah sebagai tempat mendirikan upacara ibadat asas dalam Islam terutamanya sembahyang fardu harian serta fardu Jumaat. Di Malaysia, terdapat ribuan masjid serta surau yang dibina oleh phak kerajaan dan swasta serta juga komuniti setempat dan jumlahnya semakin bertamabah dari masa ke semasa. Pada masa sekarang, peranan masjid semakin meluas mencakupi tempat mengadakan majlis, korban hari raya, akad nikah, kelas pengajian berkala, ceramah, forum dan sebagainya. Kertas kerja ini menyentuh isu tauliah dan kelayakan berkaitan dengan tenaga pengajar atau penceramah yang menjalankan kelas pengajian, kuliah atau ceramah di surau atau masjid dalam sesuatu negeri di Malaysia. Isu ini timbul sejak kebelakangan ini kerana ada keluhan masyarakat tentang isi penyampaian yang agak berbeza dari aliran perdana dan sebahagiannya keterlaluan dalam membahaskan isu-isu semasa yang berkaitan dengan agama Islam. Sehubungan itu, Majlis atau Jabatan Agama Islam Negeri mula mengambil pendekatan serius dalam menangani isu ini dengan harapan penyampaian ilmu keagamaan hanya dikendalikan oleh tenaga pengajar yang berkelayakan serta mendapat bertauliah dari pihak berkuasa agama seperti Majlis Agama atau Jabatan Agama Negeri. Ketegasan ini mula memberi impak setelah terdapat golongan penceramah yang tidak dibenarkan menyampaikan apa-apa ilmu keagamaan di negeri-negeri tertentu kerana tidak mempunyai tauliah dan kebenaran untuk menyampaikan ceramah dari pihak berkuasa agama. Isu imarah masjid tidak sepatutnya terhalang disebabkan oleh tauliah dan kelayakan kerana ia merupakan suatu tindakan pencegahan yang perlu bagi mengelakkan masalah pengajaran ilmu yang salah atau tidak sealiran dengan amalan umum masyarakat Malaysia.

**Katakunci:** Imarah, Tenaga Pengajar, MUIP, JAIS, Tauliah, Kelayakan

## Pendahuluan

Imarah (BA: *عمارة*) bermaksud membangunkan, menghidupkan dan menjalankan aktiviti yang boleh meningkatkan impak sesuatu tempat serta dapat menjadikannya lebih maju, berdaya saing dan memberi manfaat kepada masyarakat setempat dan sekitarnya. Islam mensyariatkan imarah masjid berdasarkan keterangan dari Surah al-Tawbah Ayat 18 seperti firmanNya:

﴿إِنَّمَا يَعْرِفُ مَسْجِدَ اللَّهِ مَنْ آمَنَ بِاللَّهِ وَآلِ يَوْمِ الْآزِمَةِ وَالْخَيْرِ وَأَقَامَ الصَّلَاةَ وَآتَى الزَّكَاةَ وَلَمْ يَخْشَ إِلَّا اللَّهَ فَعَسَىٰ أُولَٰئِكَ أَن يَكُونُوا مِنَ الْآمِنِينَ﴾

<sup>1</sup> Kertas Kerja dibentangkan di International Conference on Masjid, Zakat and Waqaf Management (I-MAF 2017), ILIM Bangi Selangor anjuran KUIS dan UMP.

“Hanyasanya yang layak memakmurkan (menghidupkan) masjid-masjid Allah itu ialah orang-orang yang beriman kepada Allah dan hari akhirat serta mendirikan sembahyang dan menunaikan zakat dan tidak takut melainkan kepada Allah, (dengan adanya sifat-sifat yang tersebut) maka adalah diharapkan mereka menjadi dari golongan yang mendapat petunjuk”

Di dalam Islam, masjid adalah salah satu institusi yang seharusnya di *'imarah'* kan bermula dengan mengaktifkan azan serta sembahyang berjemaah pada setiap waktu dan mendirikan sembahyang Jumaat apabila ahli kariah pemastautin telah mencukupi 40 orang jemaah menurut mazhab Syafie (Hadith Riwayat al-Baihaqi). Apabila institusi masjid semakin berkembang dalam tamadun Islam, peranan masjid semakin meluas terutama sebagai tempat pengajian ilmu sama ada secara berkala atau tertakluk kepada peristiwa-peristiwa penting umat Islam seperti Maulid Rasul, Israk Mikraj dan lain-lain lagi (Mahazan, 2013). Sesi pengajian ilmu sudah semestinya melibatkan tenaga pengajar yang akan menyampaikan ilmu kepada jemaah yang hadir pada sesuatu kuliah seperti kuliah Maghrib, kuliah Subuh, kuliah Dhuha atau ceramah perdana dan sebagainya. Berdasarkan pemerhatian, masjid dan surau di kawasan-kawasan perumahan secara umumnya ada melaksanakan aktiviti kuliah harian, mingguan dan bulanan yang menjemput tenaga pengajar tempatan secara berjadual atau selainnya. Kebanyakan penyampai adalah terdiri dari kumpulan yang bergelar ustaz atau ustazah yang dijemput dengan sedikit bayaran sumbangan. Dengan kewujudan program seperti di atas, maka kebanyakan masjid dan surau telah dapat diimarahkan melalui pelbagai inovasi dengan sokongan dana masjid dan kehadiran masyarakat sekitar (Muhamad et.al (2011). Ini sesuai dengan beberapa hadith dari Rasulullah seperti: “Sesiapa yang membina untuk Allah sebuah masjid dan diimarahkan zikir padanya, Allah akan membina untuknya yang seumpamanya di dalam syurga” (Riwayat al-al-Nasaie). Saidatina 'Aisyah RA juga menceritakan bahawa Nabi SAW memerintahkan agar sebuah masjid dibina di sesuatu kawasan, dan ia hendaklah dibersihkan dan diwangikan (Riwayat Ibnu Majah). Imarah secara spiritual juga dituntut kepada ahli kariah seperti memperpanyakkan sama ada solat, zikir, i'tikaf, membaca al-Qur'an dan sebagainya. Termasuk dalam maksud zikir ialah majlis ilmu yang dilaksanakan di dalam masjid. Kedua-dua pihak baik yang menguruskan pengajian ilmu mahupun yang hadir mendengarnya adalah dikira sebagai mereka yang mengimarahkan masjid tersebut. Masjid Negara telah menjadi contoh model masjid kontemporari yang mampu diimarahkan ke peringkat yang tinggi untuk manfaat ummah (Mohd Roska et.al (2013). Sebenarnya pembangunan komuniti setempat boleh dipertingkatkan dengan peranan masjid yang lebih berkesan melalui kepimpinan dan prestasi pegawai masjid yang dipertanggungjawabkan oleh pihak berkuasa agama (Rahim, MRM et al. (2014). Sekalipun masjid disarankan untuk dimarahkan dengan sebaik-baiknya, ia juga perlu menghadkan aktiviti-aktiviti yang tidak sesuai dengan persekitaran atau pandangan tidak disepakati seperti bermain muzik dalam ruang solat di masjid (Zulkifli, 2008). Kebanyakan masjid tidak membenarkannya kerana boleh mencemar pandangan tentang kesudian masjid secara umumnya.

### **Isu Tauliah- Takrif Dan Enakmen**

Tauliah berasal dari perkataan bahasa Arab (تولية) yang digunakan untuk maksud lantikan yang berupa kebenaran yang melayakkan seseorang untuk menjalankan sesuatu tugas atau pekerjaan dari pihak yang melantik iaitu pihak berkuasa. Dalam hal ini, istilah tauliah yang digunakan oleh Majlis atau Jabatan agama Islam negeri merujuk kepada surat kebenaran yang mengharuskan seseorang untuk mengajar perkara-perkara berkaitan agama Islam. Majlis-majlis agama negeri yang mentadbir urusan agama Islam sememangnya mempunyai kuasa mengeluarkan tauliah kepada mana-mana individu yang berkelayakan

melalui prosedur-prosedur khusus termasuk temuduga dan peperiksaan (lihat portal MUIP<sup>2</sup>, MAIJ<sup>3</sup>, MAINS<sup>4</sup>, JAWI<sup>5</sup>, JAIS<sup>6</sup> dan sebagainya). Tauliah termaktub di dalam enakmen-nakmen pentadbiran agama Islam di kebanyakan negeri di Malaysia. Kertas ini memperincikan dokumen keterangan yang berkaitan dengan kandungan teks yang menjelaskan keperluan seseorang mendapat tauliah bagi mengajar perkara berkaitan agama Islam. Garis panduan MUIP menyebutkan:

*“Seksyen 161 – Sesiapa kecuali di tempat kediamannya sendiri dan di hadapan ahli-ahli rumahnya sahaja mengajar apa-apa hukum atau ajaran Ugama Islam dengan tiada mempunyai Tauliah daripada Ke bawah Duli Yang Maha Mulia Sultan adalah melakukan satu kesalahan dan apabila sabit bolehlah dihukum dengan didenda tidak lebih daripada satu ribu ringgit atau penjara tidak lebih daripada enam bulan atau kedua-duanya. (Enakmen Pentadbiran 1982 - Pindaan 1987)*

Peruntukan ini jelas menunjukkan tenaga pengajar ajaran Islam perlu mendapat tauliah dari KDYMM Sultan melalui Majlis. Hukuman yang dikenakan bagi mereka yang mengajar tanpa tauliah, jika sabit kesalahan boleh di denda seperti yang termaktub (tidak lebih RM1000.00 atau 6 bulan penjara atau kedua-dua sekali). Manakala bagi mereka yang tidak patuh kepada kehendak enakmen pula akan menghadapi hukuman di Sekyen 169 yang menyebutkan:

*“Sesiapa yang tidak patuh kepada titah perintah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan selaku Ketua Ugama Negeri atau terhadap apa-apa arahan yang sah dari Majlis, ... dihukum dengan didenda tidak lebih daripada dua ribu ringgit atau penjara tidak lebih daripada satu tahun atau kedua-duanya.”*

Hukuman ini lebih berat daripada tiada tauliah mengajar yang membawa kepada denda sehingga RM2000.00 atau satu tahun penjara atau kedua-dua sekali.

Sebagai perbandingan, negeri Selangor juga mempunyai peruntukan khusus berkenaan tauliah mengajar perkara berkaitan agama Islam di negeri tersebut. Ia jelas termaktub dalam garis panduan yang dikeluarkan oleh JAIS yang menyebutkan:

*“Sesiapa yang mengajar / berceramah tanpa tauliah yang diberikan di bawah Seksyen 118 Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003 adalah melakukan sesuatu kesalahan dan boleh didakwa di bawah Seksyen 119 Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003 dan jika disabitkan bersalah, boleh didenda tidak melebihi 3 ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi 2 tahun atau kedua-duanya. Walaubagaimanapun Seksyen ini tidak diguna pakai bagi individu yang mengajar / berceramah di kediamannya sendiri untuk anggota keluarganya”.*

Berdasarkan peruntukan tersebut, denda yang dikenakan ialah RM3000.00 atau penjara tidak lebih 2 tahun atau kedua-dua sekali. Denda dan hukuman ini lebih tinggi jika dibandingkan dengan MUIP tetapi tidak dinyatakan denda bagi mereka yang ingkar seperti dalam enakmen MUIP.

---

<sup>2</sup> Majlis Ugama Islam Pahang

<sup>3</sup> Majlis Agama Islam Johor

<sup>4</sup> Majlis Agama Islam Negeri Sembilan

<sup>5</sup> Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan

<sup>6</sup> Jabatan Agama Islam Selangor

Dari sudut syarat yang dikenakan oleh MUIP bagi menjalankan kuliah atau kelas agama Islam, tenaga pengajar hendaklah mengikut peraturan dan garis panduan yang ditetapkan. Jika mereka gagal atau menyalahi peraturan tersebut, mereka boleh diambil tindakan atau tauliah mereka boleh ditarik balik oleh jawatankuasa Majlis. Oleh itu pegawai masjid adalah bertanggungjawab memastikan tenaga pengajar patuh kepada syarat-syarat yang berkaitan seperti di bawah:

- i. Mempunyai tauliah daripada Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang atau mendapat kebenaran daripada Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang;
- ii. Hendaklah mengajar mengikut Mazhab Syafie;
- iii. Semasa mengajar tidak boleh menyentuh soal-soal politik kepartian;
- iv. Mengelak dari menyentuh isu-isu sensitif yang boleh menjejaskan perpaduan masyarakat;
- v. Tidak mengeluarkan fatwa;
- vi. Hendaklah mengajar di tempat yang ditentukan sahaja;

Terdapat sedikit kekeliruan dalam peraturan ini di mana ada disebut perkataan tauliah dan kebenaran. Tidak diperincikan pula maksud 'kebenaran' yang dimaksudkan namun ia mungkin bermaksud kebenaran lisan. Peraturan kedua yang penting ialah pengajaran berasaskan kepada mazhab Syafie yang merupakan mazhab masyarakat umum dan diiktiraf di negeri Pahang dan Malaysia. Peraturan lain tidak memfokuskan kepada isi kandungan pengajaran secara langsung. Setakat ini MUIP telah menyenaraikan 36 penceramah yang tidak dibenarkan menyampaikan ceramah agama Islam di Pahang (Utusan Malaysia, 2017) sementara JAIJ melarang dua penceramah kontroversi Malaysia.

Bagi negeri Selangor, JAIS memperincikan jenis tauliah yang diberikan kepada tenaga pengajar di negeri tersebut. Perkara ini tiada disebutkan dalam peraturan MUIP. Dalam Seksyen 118 (3) Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003, JAIS membahagikan tauliah seperti dibawah: (Potral JAIS, 2017)

Kategori D 1 : Tauliah Mengajar / Berceramah

Kategori D 2 : Tauliah Mengajar Fardhu Ain

Kategori D 3 : Tauliah Mengajar Al-Quran

Kategori D 4 : Tauliah Khas (Contoh : Perbandingan Agama / Perbankan Islam / Motivasi)

Sepintas lalu, difahami daripada peruntukan di atas, terdapat jenis-jenis tauliah berdasarkan kategori pengajaran ilmu agama, namun ia boleh mendatangkan kekeliruan jika tiada pentakrifan jelas tentang sempadan ilmu antara jenis-jenis tersebut. Jika dilihat secara praktisnya, mengajar atau berceramah selalunya akan menyentuh perbincangan tentang fadu ain, al-Quran dan sebagainya. Jadi persoalannya, bagaimanakah ia dapat dipatuhi sepenuhnya?. Persoalan juga timbul, sebagai contoh, adakah mereka yang mempunyai tauliah fardu ain tidak boleh mengajar al-Quran atau adakah mereka yang ada tauliah D4 tidak boleh mempraktis tauliah D1?. Dalam hal tauliah, JAIS mendedikasikan satu portal khas tauliah bagi mempermudah permohonan dalam portal [www.tauliah.jais.gov.my](http://www.tauliah.jais.gov.my). Terdapat pula tempoh sahlaku kad tauliah selama lima tahun dan perlu diperbaharui setelah tamat tempoh. Sebagai perbandingan, MUIP tidak meletakkan tempoh sahlaku bagi tauliahnya dalam teks peraturan yang dipaparkan dalam portalnya.

Kerajaan Selangor melalui JAIS meletakkan Garis Panduan / Kewajipan Pemegang Tauliah seperti di bawah:

- i. Memberi ceramah umum mengenai apa-apa aspek Agama Islam atau mengajar Agama Islam berdasarkan al-Quran, as-Sunnah, Ijma' dan Qias dan tidak membawa fahaman / ajaran salah.
- ii. Berakhlak mulia dan amanah.
- iii. Menjalankan daya usaha untuk mengekalkan, memperbaiki dan mengukuhkan persaudaraan dan perpaduan masyarakat orang Islam dan menggalakkan orang Islam meninggikan taraf hidup dan ekonomi serta menambahkan amalan dan taqwa mereka kepada Allah s.w.t.
- iv. Tidak memfitnah saudara Islam yang lain.
- v. Mematuhi undang-undang Negara atau apa-apa arahan, larangan atau perintah yang dikeluarkan oleh Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) dan Jawatan kuasa dari semasa ke semasa.
- vi. Mendapat sokongan berceramah dari Ketua Jabatan / majikan masing-masing ; dan
- vii. Tidak boleh menyentuh mana-mana parti politik.

Daripada teks garis panduan di atas, jelasnya hanya peraturan (i) sahaja yang menjelaskan kandungan pengajaran agama Islam seperti menamakan sumber rujukan kepada al-Quran, Sunnah, Ijma' dan Qiyas. Peraturan lain lebih menekankan kepada etika penyampaian serta pematuhan undang-undang serta tidak mengaitkan dengan parti politik. Peraturan (iii) lebih menjurus kepada kaedah berdakwah kepada masyarakat awam berbanding dengan mengeluarkan hukum dan sebagainya.

Peraturan (i) mendedahkan sedikit kepincangan dalam teks peraturan kerana rujukan perundangan hanya kepada empat sumber perundangan utama sahaja. Adakah ini bermaksud sumber lain yang disepakati tidak dibenarkan untuk membincangkannya atau bagaimana?. Adakah sumber lain seperti Masalah al-Mursalah, Sadd al-Zarai' atau al-Adat al-Muhkamah dan sebagainya tertolak dalam hal ini?. Peraturan ini juga tidak menyebut dengan jelas tentang pematuhan kepada pengajaran berdasarkan mazhab Syafie seperti dalam peraturan MUIP. Adakah ini bermaksud JAIS tidak menghalang pengajaran dari mazhab-mazhab fekah yang lain. Sekalipun begitu, garis panduan ini adalah lebih baik kerana meletakkan satu klausa penting dalam (v) yang menjadikan pihak berkuasa agama negeri sentiasa mempunyai kuasa menentukan sesuatu peraturan dari masa ke semasa. Ia tidak terdapat dalam klausa MUIP dan JAWI.

Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI) juga menawarkan tauliah kepada ilmuan warganegara serta bukan warganegara untuk mengajar agama Islam di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan. Tinjauan melalui portal mendapati satu laman disediakan untuk permohonan e-tauliah secara atas talian di alamat: <http://www.muftiwp.gov.my/etauliah/v2/pendaftaran.php>. Terdapat syarat yang lebih ringkas dan tetapi memuatkan syarat kelayakan yang lebih jelas berbanding dengan MUIP dan JAIS yang tidak menjelaskan syarat dalam teks garis panduan. Peraturan ini telah mula direkodkan sejak 22 April 2003. Kelayakan sebagai pengajar adalah seperti di (22. (1) a. (i) memegang suatu kelayakan pengajian tinggi Islam daripada universiti tempatan atau luar negeri yang diiktiraf oleh kerajaan Malaysia; (ii) memegang suatu kelayakan pengajian tinggi Islam daripada universiti tempatan; atau (iii) berpengetahuan dalam Hukum Syarak; dan (b.) telah mencapai umur dua puluh satu tahun dan dalam hal pengajaran al-Quran dan Tajwid lapan belas tahun. Mengikut rekod, jumlah pemegang tauliah JAWI yang direkodkan ialah 2884 orang namun tidak dikemaskini kerana terdapat pemegang tauliah yang telah tamat tempoh masih tersenarai dalam laman tersebut (muftiwp.gov.my, 2017)

Peraturan tauliah JAWI agak jelas dari segi kelayakan iaitu sama ada pengajar lulusan dalam atau luar negara serta berpengetahuan dalam hukum syarak. Umur pula mesti mencapai 21 tahun, cuma dalam hal pengajaran al-Quran, pengajar mesti berumur 18 tahun (muftiwp.gov.my). Tiada diterangkan tentang pengajaran berasaskan mazhab dan tiada jenis kategori tauliah dinyatakan dalam kecuali hal

pengajaran al-Quran dan Tajwid dalam peraturan di JAWI. Dalam hal pelanggaran peraturan berkaitan, Seksyen 11 Akta Kesalahan Jenayah Syariah (Wilayah Persekutuan) 1997 memperuntukkan hukuman denda tidak melebihi RM5,000 atau penjara tidak melebihi 3 tahun atau kedua-duanya jika disabitkan kesalahan. Penganjur juga boleh didakwa bersubahat dan boleh dikenakan hukuman sama apabila disabitkan. Hukuman ini adalah lebih tinggi dari peruntukan MUIP dan JAIS secara umumnya.

### **Isu Kelayakan Tenaga Pengajar**

Oleh kerana tauliah berkait rapat dengan tahap keilmuan seseorang tenaga pengajar, maka isu ini menjadi semakin rumit apabila seseorang yang berpengetahuan dalam masyarakat termasuk mufti dan selainnya tidak dibenarkan menyampaikan kuliah atau ceramah agama dan sebagainya kerana tidak mendapat tauliah. Adakah permohonan ini merupakan isu teknikal sahaja atau berkaitan dengan pengesahan sama ada seseorang betul-betul berkelayakan dari segi keilmuan dan pengetahuan akademiknya?. Difahamkan pemberian tauliah juga tertakluk kepada kelulusan temuduga atau peperiksaan dalaman atau kedua-duanya mengikut keparluan seperti di MUIP, JAWI dan JAIJ.

Adakah tenaga pengajar agama Islam yang sedang mengajar di sekolah-sekolah tertakluk kepada peraturan ini? Sudah tentu ada banyak kekeliruan tentang isu tauliah dan keberkesanan penguatkuasaan peraturan ini. Jika mereka boleh mengajar agama Islam di sekolah, mengapa pula mereka tidak boleh mengajar masyarakat awam disebabkan oleh peraturan ini.

Presiden persatuan akademik UM, Dr Azmi Sharom mempertikaikan tentang kebebasan intelektual apabila mereka yang tidak mempunyai latarbelakang pengajian Islam tidak dibenarkan membincangkan isu-isu menyentuh agama Islam ([freemalaysiatoday.com](http://freemalaysiatoday.com), 2017). Undang-undang tauliah mengikut pandangannya terlalu luas kerana “ia memberi kuasa luas kepada agensi kerajaan untuk mengawal perbincangan tentang apa sahaja berhubungan dengan Islam”. Beliau melihat isu ini sebagai tidak sihat untuk perkembangan intelektual dalam kalangan ahli akademik dan masyarakat awam. Walaupun pendapat ini mendapat perhatian sebahagian golongan, namun secara dasarnya perbincangan akademik hendaklah sentiasa berteraskan kebitaraan sesuatu bidang kelimuan. Tidak semua orang dapat membincangkan sesuatu isu terutama yang rumit secara tuntas melainkan dengan kepakaran ilmu yang mantap.

### **Kesimpulan**

Pengimarahannya merupakan suatu agenda penting dalam pembangunan masjid di negara ini. Masjid yang tidak diimarahkan adalah bertentangan dengan tuntutan yang disyariatkan oleh Islam. Sekalipun isu tauliah dan kelayakan menjadi polemik dalam pentadbiran pihak berkuasa agama namun ia tidak perlu dijadikan halangan untuk menjalankan sebarang aktiviti keagamaan seperti ceramah, kuliah, forum, seminar dan kelas-kelas pengajian agama. Tenaga pengajar perlu menghormati keperluan ini bagi membolehkan tiada isu-isu agama yang akan menyebabkan perpecahan dalam kalangan masyarakat umum. Isu-isu aliran mazhab yang berlainan seharusnya dielakkan sekalipun terdapat hujahan yang kukuh dalam pengamalan sesuatu ibadat. Oleh sebab itu, untuk keseragaman, pendekatan mazhab Syafie perlu menjadi tunjang penting dalam isu ibadat supaya tiada kecelaruan terutama dalam keadaan masyarakat yang masih cetek mazhab. Pendedahan kepada kepelbagaian mazhab dalam kalangan awam perlulah dijauhi namun boleh dibenarkan dalam lingkungan ahli akademik.

Dalam isu kelayakan, sandaran keserjanaan rasmi dan bersijil seharusnya menjadi asas pemberian tauliah kepada tenaga pengajar agama Islam di Malaysia. Ini bagi mengelakkan seseorang mengajar tanpa kelayakan ilmu yang sesuai terutama dalam pengajaran Islam. Ia tidak bermakna mereka yang tidak mempunyai latar belakang agama tidak boleh memberi pandangan umum tentang sesuatu isu menyentuh isu Islam. Namun sebarang perbincangan seharusnya merujuk kepada sumber perundang Islam yang muktabar yang disepakati. Mereka yang tidak mahir dalam penghujahan sumber tersebut tidak harus membahaskannya kepada masyarakat umum.

Peruntukan dalam enakmen berkaitan tauliah juga seharusnya sentiasa dikemaskini atau digubal mengikut peredaran masa supaya sentiasa relevan dengan keadaan semasa. Jika pengajaran melalui medium digital seperti internet dan media sosial masih belum termasuk dalam enakmen-enakmen yang berkenaan, maka ia perlu diambil kira pada pengubalan enakmen pada masa depan.

## Rujukan

Al-Quran

Ahmad Sabri, A. Z. S., & Mohammad Noor, M. R. (2008). *Fungsi dan Peranan Masjid dalam Masyarakat Hadhari. Peranan dan Kepentingan Pengurusan Sumber Manusia dalam Pengurusan Masjid*. Retrieved from [http://www.penerbit.utm.my/bookchapterdoc/PPIPS/bookchapter\\_ppips02.pdf](http://www.penerbit.utm.my/bookchapterdoc/PPIPS/bookchapter_ppips02.pdf)

Akta Pentadbiran Undang-undang Islam(Wilayah-wilayah Persekutuan) 1993

Enakmen Pentadbiran Ugama Islam Dan Adat Resam Melayu Pahang 1982 (Pindaan 1987)

<http://www.freemalaysiatoday.com>. Retieved 9/10/2017

[http://www.muftiwp.gov.my/etauliah/v2/panduan\\_pengguna.pdf](http://www.muftiwp.gov.my/etauliah/v2/panduan_pengguna.pdf)

<http://www.muftiwp.gov.my/etauliah/v2/pendaftaran.php>

<http://www.muip.gov.my>. Retrieved 10/11/2017

<https://sunnah.com/nasai/8/1>

<https://www.hmetro.com.my>. Retrieved 11/11/2017

<https://www.utusan.com.my/berita/nasional/pahang-larang-ceramah-tanpa-kebenaran-1.491503>

Mahazan Abdul Mutalib, W. M. F. A. W. R. (2013). Model Pengimarah dan Prestasi Masjid di Malaysia: Satu Pengenalan Awal Kajian. *Seminar Kebangsaan Pengajian Akidah Dan Agama*, 1–11.

<http://doi.org/10.1017/CBO9781107415324.004>

Mohamad, P. M. D. S., Hussin, D. S. A. S., & Adnan, M. A. M. (2011). Rahsia Pengimarah Masjid Menurut Al-Quran dan Al-Sunnah. *Berinovasi Dalam Pengurusan Masjid, Seminar Pengurusan Masjid Inovatif Peirngkat Antarabangsa*, 67–74.

Mohd Roska, M. R., & Muhammad Faisal, A. (2013). Persepsi Terhadap Masjid Negara Sebagai Model Masjid Kontemporari. In *Prosiding Kolokium Antarabangsa Siswazah Pengajian Islam (KASPI 2013)* (pp. 339–355).

Rahim, M. R. M., Mutalib, M. A., Ghani, A. H. A., Hashim, M., Razali, W. M. F. A. W., Zakaria, M. Z., ... Rahman, A. A. (2014). Kepimpinan, prestasi masjid, dan pembangunan komuniti menurut al-quran dan hadith. Proceeding of the International Conference on Masjid, Zakat and Waqf (IMAF 2014), (December), 16–31.

Sunan an-Nasa'i 688, Book 8, Hadith 1, Retrieved November 13, 2017

[www.tauliah.jais.gov.my](http://www.tauliah.jais.gov.my), Retrieved 10/11/2017

Zulkifly dan Nizaita. (2008). Limitasi Dan Absolutasi Aktiviti Masjid Menurut Islam. In *Dalam Pengimarahannya Masjid Dalam Agenda Ummah* (p. 43).